

13/10/2000

Pusat IT DHL ke-3 dunia beroperasi di Cyberjaya

DHL Worldwide Express (DHL) dalam perancangan membangunkan pusat teknologi maklumatnya di Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan membabitkan pelaburan sehingga AS\$10 juta (RM38juta).

Pusat berkenaan akan bertindak sebagai satu daripada tiga pusat IT utamanya dalam rangkaian global DHL selain dua pusat iaitu di London dan San Francisco.

Dalam kenyataannya, pusat setinggi empat tingkat itu dengan keluasan 100,000 kaki persegi akan siap sepenuhnya menjelang September tahun depan dan akan menggantikan pusat DHL sebelum ini di Puchong.

Pusat baru itu akan menempatkan pusat data, pusat latihan dan kemudahan pembangunan perisian.

Syarikat Quill Property Group Sdn Bhd diberi tanggungjawab mereka cipta dan membangunkan pusat itu.

Perjanjian membina dan menyewa ditandatangani di London pada 5 Oktober lalu dengan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"DHL adalah antara syarikat multinasional utama yang menunjukkan sokongan terhadap konsep MSC apabila kami menubuhkan kilang pertama di Puchong tiga tahun lalu.

"Melalui perkembangan terbaru ini, ia melambangkan komitmen DHL kepada Malaysia memandangkan antara tiga pusat IT globalnya bergiat cergas di sini," kata Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan DHL, Chris Howard.

Sementara itu, Pemangku Howard, Stephen McGuckin, yang menjadi orang utama dalam usaha membangunkan pusat di Puchong, berkata sepanjang tiga tahun lalu, DHL sudah berjaya menghasilkan tenaga kerja yang komited dengan 70 peratus daripadanya adalah rakyat tempatan.

"Memandangkan syarikat sedang meningkatkan keupayaan ITnya untuk menampung jumlah pelanggan yang semakin meningkat dan maju, keputusan menempatkan operasi dengan kemudahan pada tengah-tengah nadi MSC adalah bertepatan pada waktunya," katanya.

(END)